

142 - 7179

✓

334 - 102/79

UCAPAN YANG ANAT BENIHOMAT TIMBALAN  
PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN OM,  
DINAJLIS PENBUKAAN KONVERSYEN DUA  
TANUN SERALI CUEPACS YANG KE 13  
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,  
KUALA LUMPUR PADA HARI JUMAAT 20ND  
FEBRUARI, 1975 PADA JAM 9.00 PAGI.

Presiden dan Ahli-Ahli Jawatankuasa COEPAOS,

Unif-Unif yang mulia,

Saudara-Saudara sekalian.

Dalam masa beberapa minggu ini, tubungannya saya dengan Kesatuan Sekerja dan pemimpin-pemimpinnya telah bertambah erat dan rapat. Nasai pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang bertemu saya untuk mencari penyelesaian tentang masalah yang mereka hadapi khasnya tuntutan gaji dan keadaan bekerja.

2. Dalam hubungan ini, saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan oleh CUEPACS untuk meresmikan Konvensyen 2 tahun sekali yang ke 13 pada pagi ini. Sebelum daripada Konvensyen ini saya telah juga diminta oleh CUEPACS meresmikan bangunan ibu pejabatnya yang baru di Jalan Pudu, Kuala Lumpur. Ini menjadikan hubungan kita semakin rapat dan saya harap hubungan yang telah terjalin ini akan menandakan perasaan muhibbah yang boleh mengekalkan perhubungan baik antara Kerajaan dan pekerja-pekerja bagi membantu menyelesaikan masalah kita hari ini.

3. Saya sungguh sukacita mendapat tahu bahawa dengan berlangsungnya Konvensyen CUEPACS yang ke 13 ini bererti bahawa Ladan ini telah wujud dalam arena pergerakan buruh selama 16 tahun. Dan di dalam usianya itu saya percaya pemimpin-pemimpin CUEPACS dan ahli-ahlinya telah banyak mengumpulkan pengalaman serta mencepat taraf kematangan fikiran dan peresean tanggungjawab yang tinggi dalam hal-hal yang berkait dengan kesatuan sekerja. Saya mendoakan agar CUEPACS ini akan sentiasa maju dan terus menggembelinkan tenaga ahli-ahli kesatuan yang bergabung dengannya, untuk sentiasa mematuhi tatacara Kesatuan sekerja disamping memberikan perkhidmatan yang cekap serta berkesan kepada masyarakat dan negara.

Saudara-saudara,

4. Pada kesempatan yang diberikan pagi ini, saya ingin hendak berterus terang dan secara ikhlas membentangkan hal-hal yang sangat dipandang berat oleh kerajaan. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini terdapat satu siri tindakan terhadap Kerajaan oleh sebilangan Kesatuan Sekerja, Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun. Kita memang menerima tindakan-tindakan ini sebagai tindakan yang sah dan halal tetapi dikacita juga terdapat tuntutan yang disertai dengan ugutan tindakan perusahaan seolah-olah hendak melumpuhkan jentera pentadbiran Kerajaan disamping menimbulkan kesulitan kepada orang ramai dengan tujuan supaya majikan tunduk kepada tuntutan mereka itu. Disamping untuk mendapatkan sokongan dan simpati orang ramai

terdapat perbuatan memburuk-burukkan Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab seolah-olah mereka sengaja melambat-lambatkan kerja dan tidak melayani tuntutan tersebut.

5. Satu demi satu Kesatuan Sekerja Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun - LLN, Postal, Telekom, Kerani, Kumpulan Kastam dan Eksais di Raja telah mengemukakan tuntutan dengan memberikan kata-dua sekiranya tuntutan mereka itu tidak mendapat apa-apa jawapan dalam masa yang singkat yang diberikan itu ahli-ahli kesatuan itu akan mengambil tindakan perusahan dengan menjalankan peraturan kerja mengikut masa atau mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan yang mengakibatkan

kesulitan dan kesusahan kepada orang ramai.

6. Adalah nyata juga tindak tanduk seperti ini dibuat oleh Kesatuan-Kesatuan Sekerja Kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang mempunyai anggota yang besar bilangannya kerana barangkali juga pada pendapat mereka tugas mereka itu adalah penting dan tanpa perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan mereka itu jentera Kerajaan akan terganggu yang sudah tentu akan mendatangkan kesusahan dan kesulitan kepada orang ramai.

7. Saya sukalah mengingatkan kesatuan-kesatuan sekerja bahawa bukanlah menjadi peranan utama mereka hanya memperjuangkan kenaikan gaji dan meningkatkan pendapatan anggota mereka dengan anggapan

bahawa Kerajaan tidak berlaku adil bahkan mengeksploitasi mereka. Pada hajat saya ada banyak jalan lain lagi yang boleh diusahakan oleh Kesatuan-Kesatuan sekerja bagi membaiki keadaan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup ahli-ahlinya. Saya puashati dalam hal ini, Setiausaha CUEPACS, Encik Jamaluddin, telahpun menerangkan kepada ahli-ahli keluarin bahawa kebanyakan tuntutan ini masih dalam perundingan dan ada yang menunggu keputusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi nyatalah gambaran yang ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak terutama kalau kita melihat piket disana sini tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya. Sebaliknya patutlah kita renungkan masalah-masalah yang kita hadapi masa ini supaya mendapat perspective yang sebenarnya.

Saudara-saudara sekalian,

8. Kita sedia maklum, dalam tempoh beberapa bulan yang lepas, dunia mengalami recession dan negara ini juga mengalami keadaan ekonomi yang merosot disebabkan kejatuhan harga barang-barang mentah kita di luar negeri. Keadaan ini menyebabkan punca-punca kewangan negara kita makin merosot. Tetapi sebaliknya, perbelanjaan Kerajaan yang bersabit dengan usaha pembangunan bukan sahaja meningkat tetapi akan terus bertambah kerana memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan rakyat yang meningkat pula. Di samping menjalankan rancangan pembangunan, dan dengan maksud hendak mengurangkan kesulitan-kesulitan rakyat disebabkan oleh inflasi dan juga kemerosotan ekonomi dunia, Kerajaan telah

juga mengadakan beberapa sikit subsidy keatas barang-barang keperluan serta bahan-bahan penting yang lain supaya harga barang-barang ini sentiasa berada di peringkat yang munasabah dan mampu dibeli oleh rakyat sekalian. Ini termasuk juga bantuan buku-buku teks kepada pelajar-pelajar daripada keluarga miskin. Dalam hal ini Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan beratus juta ringgit untuk meringankan bebanan rakyat dengan mengorbankan sebahagian besar daripada wang simpanan kita.

9. Begitu juga sejak akhir tahun 1973 dulu, Kerajaan telahpun mempersetujui supaya pekerja-pekerja yang bergaji rendah diberi Elam Santuan Khas untuk melegakan mereka daripada tekanan inflasi ini.

Disamping itu, tahun lalu Kerajaan telahpun bersetuju memberikan bonus kepada kakitangannya sebanyak sebulan gaji menurut amalan setengah-setengah majikan swasta. Dari segi kewangan, jumlah Elam Bantuan Khas yang dikeluarkan untuk tahun 1974 dan 1975 dianggarkan lebih kurang \$100 juta tiap-tiap tahun sementara anggaran bonus bagi tahun 1974 ialah \$150 juta pula. Ini akan bertambah untuk tahun 1975.

10. Nyatalah dengan ini Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kakitangannya terutama mereka yang berpendapatan rendah dan akan berbuat apa yang patut untuk kesejajenteraan mereka itu. Mampaknya sebagai balasan kepada apa yang telah diberikan oleh Kerajaan ini maka timbul pula desakan

baru daripada pihak kesatuan sekerja dalam  
berbagai cara mengancam tindakan perusahaan  
ataupun menjalankan kerja mengikut peraturan  
seperti yang saya katakan awal tadi. Terhadap  
masalah ini, Kerajaan terpaksa bertindak  
dengan wajar. Tetapi apa langkah sekalipun  
yang dijalankan oleh Kerajaan, nyatalah  
tidak dapat memenuhi kehendak yang melampau  
dan tuntutan berlebihan daripada golongan  
pekerja-pekerja ini. Tidak ada golongan yang  
puashati dengan apa-apa juga. Saya sukacita  
selihat CUEPACS telah menunjukkan sikap yang  
bertanggungjawab dan pemimpinnya faham akan  
kedudukan kesangan negara dan adalah diharapkan  
bahawa rasa tanggungjawab, persefahaman dan  
juga pertimbangan yang wajar ini akan dapat  
diteruskan supaya Kerajaan dapat menumpukan

ikhtiar kepada usaha yang lebih membina dan lebih memberi manafaat.

Saudara-saudara,

11. Sambil kita meneruskan rancangan-rancangan pembangunan yang ada Kerajaan pada masa ini menghadapi ancaman dari anti-nasional yang membahayakan keselamatan negara. Semuanya ini meletakkan bebanan yang berat kepada Kerajaan dan sebarang tindakan baik dari Kesatuan Sekerja ataupun Pertubuhan Pelajar ataupun parti politik akan menambah lagi bebanan itu.

12. Khusus mengenai tindakan Kesatuan Sekerja akhir-akhir ini, apa yang dimusykilkan telah di samping tuntutan yang bertambah-tambah, disamping desakan yang kuat, iaitu efficiency atau kecakapan kerja mula-mula berkurangan. Saya ingin menanyakan samada pihak kesatuan sekerja dan ahli-ahlinya yang terlibat itu ada memikirkan setakat dipatikan manakah mereka telah mencurahkan tenaga dan usaha, dan adakah ini setimpal dengan apa yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Di manakah pula rasa tanggungjawab, pertimbangan yang wajar mereka terhadap bangsa dan negara kerana setiap tindakan yang diambil adalah mempunyai implikasi yang luas.

13. Salah satu daripada implikasi yang nyata sekarang ialah Kerajaan terpaksa, seberapa boleh, mengimbangkan perbelanjaan urban sector dengan rural sector atau luar bandar. Pada masa ini, jumlah perbelanjaan yang dicurahkan untuk urban sector dan nikmat yang didapati oleh rakyat di kawasan ini adalah jauh lebih daripada apa yang didapati oleh pekerja-pekerja dan rakyat luar bandar. Kalau ini berkepanjangan akan membawa akibat yang buruk kepada negara amnya.

14. Dalam hubungan inilah saya menyeru semua semua ahli-ahli Kesatuan Sekerja berfikir dan bertenang sejurus waktu sehingga satu penyelesaian dapat dicapai dan memberikan peluang kepada Kerajaan bagi mengkaji masalah-masalah kenaikan gaji.

perkhidmatan dan lain-lainnya yang akan dikaji, pada keseluruhannya, oleh sebuah Suruhanjaya baru yang telah dilantik diketuai oleh Tan Sri Ibrahim Ali. Saya ingin mengesyorkan supaya satu komitee, satu persefahaman dikuatkuasakan diantara Kerajaan dengan Kesatuan Sekerja supaya segala tindakan yang melibatkan tindakan perusahaan dapat ditangguhkan sehingga perkara tersebut dapat dikaji oleh Suruhanjaya yang dikatakan itu.

15. Dalam mengemukakan syor ini, tidaklah pula bererti bahawa rundingan-rundingan dibertentikan sama sekali. Saya yakin bahawa segala sesuatu yang berbangkit mengenai masalah gaji atau keadaan bekerja masih dapat disalurkan menerusi Majlis

Kebangsaan Perundingan Bersama. Dan seperti yang saudara-saudara naklum, Majlis Kebangsaan Perundingan Bersama untuk seluruh kekitangan telahpun dihidupkan semula semenjak Mei 1973 bagi memberi peluang kepada pentadbir kesatuan yang mewakili ahli-ahli masing-masing berunding dengan pihak pegawai yang mewakili Kerajaan bagi mencari penyelesaian mengenai segala masalah yang bersangkutan dan berbangkit dalam perkhidmatan awam.

16. Sekiranya dengan cara demokrasi, cara perundingan yang seperti ini tidak dapat diterima, saya percaya Kerajaan akan terpaksa mengadakan satu langkah lain untuk menghadapi ancaman-ancaman ini. Proses demokrasi bagi menyelesaikan masalah

perburuan ini terlepas kita ambil dan laksanakan tetapi seperti yang saudara-saudara maklum setiap tindakan itu ada mempunyai batas-batasnya. Dan kalau sampai ketikanya dipaksakan untuk mengambil satu-satu tindakan yang keras dan lebih berkesan, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sedemikian demi memelihara kepentingan dan keselamatan.

Saudara-saudara sekalian,

17. Sungguhpun pada keseluruhannya kesatuan sekerja di negara kita ini mempunyai rasa tanggungjawab, mempunyai rasa cinta terhadap negara kita, tetapi ada tanda-tanda menunjukkan anasir-anasir dalam kesatuan sekerja yang extremist dan tindakan mereka

tidak dapat lagi dikawal oleh kesatuan sekerje dan pemimpin yang bertanggungjawab ini. Keadaan yang sedemikian adalah merosak dan merugikan mereka sendiri. Ini juga menimbulkan reaksi bukan sahaja kepada Kerajaan yang terpaksa menanggung segala bebanan yang dipaksakan kepadanya, tetapi juga kepada pemodal-pemodal luar negeri yang ingin datang ke negara kita ini. Jika sekiranya keadaan buruh dan iklim di sekitar perindustrian terganggu, maka pelabur-pelabur modal yang kita cuba tarik masuk ke dalam negara kita ini merasa ragu-ragu untuk menanamkan modalnya dan ini akan menggagalkan usaha kita mewujudkan peluang pekerja kepada rakyat menerusi perkembangan perindustrian.

Saudara-saudara sekalian,

18. Sekali lagi saya menyeru supaya Kesatuan Sekerja yang bertanggungjawab akan sentiasa memberikan kerjasamanya dan membantu Kerajaan pada menghadapi masalah buruh dan pada mewujudkan satu iklim yang sihat dalam masyarakat pekerja di negara kita ini. Dengan pesanan dan ingatan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen CUEPACS pada pagi ini.

Terima kasih.





No. Siri	142
No. Penerimaan	4/79